

USUL TAFSIR AL-QURAN – SESI 11 – (SAMBUNGAN) USUL KE 8 – MEMAHAMI AL-QURAN BERDASARKAN TERTIB TURUN AYAT DAN SURAH



<https://youtu.be/HCl30jic14A>

VIDEO – [Durasi 1j 16m 06s] – Sesi 11 – Usul No 8 -Memahami Al-Quran Berdasarkan Tertib Turun Ayat Dan Surah

USUL TAFSIR AL-QURAN – USUL KE 8 – MEMAHAMI AL-QURAN BERDASARKAN TERTIB TURUN AYAT DAN SURAH

TANDA MASA TAJUK PERBINCANGAN

- 1- [00:00:05](#) : Memahami Al-Quran Berdasarkan Tertib Turun Ayat Dan Surah
- 2- [00:01:30](#) : Senarai Surah-surah Yang Diturunkan Di Peringkat Yang Kedua Kenabian
- 3- [00:07:42](#) : Orang-orang Islam Betul-betul Teruji
- 4- [00:15:30](#) : Orang-orang Islam Mendapat Kejayaan Setelah Diuji
- 5- [00:19:41](#) : Larangan Mengikuti Ibu Bapa Dalam Aqidah Syiriknya
- 6- [00:26:33](#) : Isyarat Kepada Hijrah Ke Habsyah
- 7- [00:29:37](#) : Adab-adab Penyampaian Agama Kepada Penganut-penganut Agama Kristian Di Habsyah Dan Surah Maryam
- 8- [00:34:01](#) : Seruan Tauhid Kepada Penganut-penganut Agama Kristian
- 9- [00:43:04](#) : Surah-surah Yang Diturunkan Selepas Para Sahabat Berhijrah Ke Habsyah – Selepas Sekumpulan Para Sahabat Berhijrah Ke Habsyah, 12 Surah Diturunkan Kepada Nabi s.a.w Dimana Baginda Dituduh Dengan Perbagai Tuduhan Dan Ajaran Yang Dibawanya Didustakan
- 10- [00:45:40](#) : Nabi s.a.w Dituduh Sebagai Pereka Al-Quran Dan Pencetus Fitnah
- 11- [00:50:44](#) : al-Quran Mengandungi Perintah Allah Kepada Nabi s.a.w Agar Terus Memberikan Peringatan Walaupun Didustakan
- 12- [00:51:45](#) : Nabi s.a.w Dituduh Sebagai Gila Dan Tukang Sihir
- 13- [00:52:41](#) : Nabi s.a.w Dituduh Dengan Perbagai Tuduhan Seperti Penyair, Gila, Tukang Tenun Dan Mereka Al-Quran
- 14- [00:54:14](#) : Nabi s.a.w Dituduh Sesat
- 15- [00:57:07](#) : Nabi s.a.w Dituduh Gila Dan Dirasuk
- 16- [00:58:14](#) : Nabi s.a.w Dituduh Sebagai Penyair, Gila Dan Telah Mereka Al-Quran
- 17- [01:00:27](#) : Ancaman Kebinasaan Terhadap Pimpinan Quraisy Yang Begitu Materialistik Dan Mata Duitan

18- [01:01:30](#) : Etika Dakwah Dan Ancaman Kebinasaan Kepada Orang-orang Yang Ingkar Seperti Yang Telah Berlaku Kepada Kaum Nuh a.s Dahulu

19- [01:02:47](#) : Ia turun Ketika Nabi s.a.w Didustakan. Akibat Pendustaan Sebegini Bangsa Mana Pun Mungkin Dimusnahkan Seperti Kaum Tsamud

20- [01:03:54](#) : Surah Al-Lail Ayat 9-16 Diturunkan Di Zaman Pendustaan Orang-orang Kafir Terhadap Nabi s.a.w

21- [01:07:13](#) : Peringatan Ayat-ayat Terakhir Dalam Surah An-Najm (Juga Turun Di Peringkat Ini). Sementara Beberapa Ayat Di Permulaannya Diturunkan Pada Tahun 12 Kenabian Dan Tentang Israk dan Mi'raj

NOTA KULIAH LENGKAP – MUAT TURUN ATAU BACA ONLINE

NOTA USUL TAFSIR – SESI 11 – Ringkasan Usul Tafsir al-Quran – Usul 8

[<https://raudhahquranschool.files.wordpress.com/2020/06/nota-3-tafsir-al-quran-25-41-usul-8.pdf>]

NOTA RINGKAS

NOTA USUL TAFSIR AL-QURAN - (SAMBUNGAN) USUL KE 8 – MEMAHAMI AL-QURAN BERDASARKAN TERTIB TURUN AYAT DAN SURAH

Surah-surah yang diturunkan sebelum sahabat berhijrah ke Habasyah

Selepas peringkat kedua, bermulalah zaman penentangan kaum Quraisy terhadap Nabi s.a.w. ia menjadi semakin memuncak sehingga akhirnya mendorong sesetengah sahabat memilih untuk berhijrah ke Habasyah. Tujuh surah berikut diturunkan sebelum mereka berhijrah ke sana:

Surah ke 29 – Al-Ankabut:

-di dalamnya ada isyarat kepada hijrah ke Habasyah

Surah ke 30 – ar-Ruum

-di dalamnya terdapat berita gembira bahawa orang-orang Islam akan mendapat kejayaan setelah diuji

Surah ke 31 – Luqmaan

-larangan mengikut kedua ibu bapa dalam 'aqidah syiriknya

Surah ke 39 – az-Zumar

-di dalamnya juga terdapat isyarat kepada hijrah ke Habasyah

Surah ke 18 – al-Kahfi

-adab-adab penyampaian agama kepada penganut-penganut agama Kristian di Habasyah.

Surah ke 19 – Maryam

-penyampaian aqidah tauhid kepada penganut-penganut agama Kristian dan penolakan terhadap ajaran tiga tuhan yang dibawa mereka.

Surah ke 20 – Thaaha

-seruan tauhid kepada penganut-penganut agama Kristian.

Hijrah Pertama Dan Kedua Ke Habasyah

Hijrah pertama ke Habasyah telah berlaku pada 5 Rajab tahun kenabian (selepas Rasulullah s.a.w dilantik sebagai nabi dan rasul) bersamaan dengan 614 Masehi. Pada kali ini seramai 12 orang laki-laki muslim dan 4 orang muslimah telah berhijrah ke Habasyah di bawah pimpinan Saiyyidina 'Utsman r.a.

Dalam hijrah kedua pula seramai 82 orang laki-laki muslim dan 18 orang muslimah telah berhijrah ke sana.

Surah-surah Yang Diturunkan Selepas Para Sahabat Berhijrah Ke Habasyah

Selepas sekumpulan para sahabat berhijrah ke Habasyah, sejumlah 12 surah diturunkan kepada Rasulullah s.a.w diperingkat ini Baginda s.a.w dituduh dengan pelbagai tuduhan. Bukan sekadar itu sahaja, malah ajaran yang dibawa Baginda juga didustakan. Di bawah ini menunjukkan senarai 12 surah berkenaan:

Surah ke 32 – as-Sajdah

-Rasulullah s.a.w dituduh sebagai pereka al-Qur'an dan penimbul fitnah

Surah ke 56 – al-Waaqi'ah

-surah ini diturunkan di zaman (di peringkat) Nabi s.a.w didustakan.

Surah ke 50 – Qaaf

-mengandungi perintah Allah kepada Rasulullah s.a.w agar terus memberikan peringatan walaupun didustakan.

Surah ke 51 – ad-Dzaariyaat

-Rasulullah s.a.w dituduh sebagai gila dan tukang sihir

Surah ke 52 – at-Thuur

-Rasulullah s.a.w dituduh dengan pelbagai tuduhan, seperti penyair, gila, tukang tenung dan mereka-reka sendiri al-Qur'an.

Surah ke 67 – al-Mulk

-nabi s.a.w dituduh sesat

Surah ke 68 al-Qalam

-baginda dituduh gila dan dirasuk.

Surah ke 69 – al-Haaqqah

-Rasulullah dituduh penyair gila dan telah mengada-adakan al-Qur'an.

Surah ke 70 – al-Maarij

-ancaman kebinasaan terhadap pimpinan Quraisy yang begitu materialistik dan mata duitan.

Surah ke 71 – Nuuh

-etika da'wah dan ancaman kebinasaan kepada orang-orang yang Ingkar seperti telah berlaku kepada kaum Nabi Nuuh a.s yang terdahulu.

Surah ke 91 – as-Syams

-ia turun ketika (di peringkat) Nabi s.a.w didustakan. Akibat pendustaan, bangsa mana pun mungkin dimusnahkan seperti kaum Tsamud.

Surah ke 92 – al-Lail

-diturunkan di zaman pendustaan orang-orang kafir terhadap Nabi s.a.w

Peringatan:

Ayat-ayat terakhir di dalam surah an-Najm juga turun di peringkat ini. Sementara beberapa ayat di permulaannya pula diturunkan pada tahun ke 12 kenabian sempurna berlakunya peristiwa Israa' dan Mi'raj. Show less